

SOALAN:

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** di Malaysia.*

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

Kehendak/tugasan soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan/kelebihan/faedah/kebaikan** Industri Kecil dan Sederhana (IKS) iaitu:
 - menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.
 - daya tarikan pelancong.
 - membuka peluang pekerjaan kepada rakyat
 - ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan IKS – **DITERIMA DAN DIPERIKSA SEPERTI BIASA**
 - iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum **KEPUJIAN (20-25)**
 - v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum **KEPUJIAN (20-25)**
 - vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum **MEMUASKAN (15-19)**
 - vii. Jika tiada/tidak lengkap perenggan penutup – maksimum **KEPUJIAN (20-25)**
-
- **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Soalan 1

Sebagai bakal pekerja, anda seharusnya menerima hakikat bahawa era globalisasi membawa perubahan aliran pemikiran. Pekerja yang cemerlang perlu memiliki beberapa ciri penting seperti mampu bekerja secara berpasukan, mahir berkomunikasi dan menepati masa.

Sumber: *Berita Harian Online*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri pekerja yang cemerlang.

Tema DSKP: Integriti (Tema 16 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/tugasan soalan:**

Calon dikehendaki menghuraikan **ciri-ciri pekerja yang cemerlang** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:

- mampu bekerja secara berpasukan
- mahir berkomunikasi
- menepati masa

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan dengan ciri-ciri – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **BAIK (45-54)**
- v. Calon menghuraikan secara umum tentang pekerja tanpa mengaitkan dengan ciri-ciri pekerja yang cemerlang – maksimum **BAIK (45-54)**



Soalan 2

Membaca karya sastera seperti novel, cerpen, puisi dan drama bukan sekadar hiburan bahkan dapat mengisi masa terluang. Karya sastera memiliki aura tersendiri untuk memberikan pengajaran kepada pembaca mengharungi cabaran dalam kehidupan. Oleh itu, penulis mempunyai tanggungjawab dan amanah yang sangat besar di bahu mereka.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan membaca karya sastera kepada masyarakat.

Tema DSKP: Citra Bahasa dan Sastera Kita (Tema 14 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/tugasan soalan:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan-kebaikan membaca sesebuah karya sastera kepada masyarakat** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - sekadar hiburan
 - dapat mengisi masa terluang
 - memberikan pengajaran kepada pembaca

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan dengan kebaikan – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **BAIK (45-54)**
- v. Calon menghuraikan idea berkaitan kebaikan membaca secara umum tanpa mengaitkan dengan karya sastera – Maksimum **BAIK (45 - 54)**

Soalan 3

Syair Guru

Inilah kisah kerjaya mulia,
Mendidik mengajar selagi terdaya,
Ibarat lilin memberi cahaya,
Bukan balasan harta pintanya.

Tiada guru yang buruk sikapnya,
Menjadi teladan mulia hatinya,
Senang merujuk tempat bertanya,
Semua yang kusut lerai akhirnya.

Ghazali Lath
Dewan Sastera, Mei 2006

Syair di atas menyatakan tanggungjawab seorang guru kepada muridnya.
Huraikan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut.

Tema DSKP: Insan Terdidik Negara Sejahtera (Tema 2 Tingkatan 4)**a) Kehendak/tugasan soalan:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **tanggungjawab-tanggungjawab seorang guru kepada muridnya** seperti yang terdapat dalam syair iaitu:
 - mendidik dan mengajar tanpa mengharap balasan
 - menjadi teladan anak murid
 - menjadi tempat rujukan/bertanya/menyelesaikan masalah

b) Kemungkinan jawapan:

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan tanggungjawab-tanggungjawab guru – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan/bahan – maksimum **BAIK (45 – 54)**

Soalan 4

Pemanasan global ialah peningkatan suhu atmosfera bumi secara berterusan sejak tiga dekad yang lalu. Pemanasan global ini berlaku disebabkan oleh tindakan manusia itu sendiri seperti penebangan hutan, pelepasan gas rumah hijau dan pembangunan yang tidak lestari.

Sumber: *Harian Metro Online*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor pemanasan global yang berlaku di serata dunia.

Tema DSKP: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau (Tema 7 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/tugasan soalan:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor pemanasan global** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - penebangan hutan
 - pelepasan gas rumah hijau
 - pembangunan yang tidak lestari

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan dengan faktor – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **KEPUJIAN (55-63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **BAIK (45-54)**